

Dr M tukar rentak

BA-10/6/2006

Bekas PM dakwa serangannya bukan bersifat peribadi

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Dua hari selepas lantang mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Tun Dr Mahathir Mohamad sebaliknya mempertahankan bahawa beliau tidak berhasrat untuk bertelingkah dengan penggantinya itu.

Sesudah antara lain menyifatkan Abdullah tidak berterima kasih kepadanya, mungkir janji dengan mengubah beberapa dasar yang diperkenalkannya, malah mengandaikan penggantinya itu adalah pilihan yang silap, Dr Mahathir semalam mendakwa serangannya bukan bersifat peribadi tetapi sekadar mahukan penjelasan berhubung beberapa isu dan

keputusan yang dibuat kerajaan.

Bekas Perdana Menteri itu turut menghalakan kritikan lanjutnya kepada jemaah menteri, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, serta bekas menteri, Tengku Razaleigh Hamzah, yang semuanya menganggap teguran keras beliau tidak wajar, keterlaluan dan boleh menjejaskan kestabilan parti.

Malah, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, yang menawarkan diri sebagai orang tengah dalam meleraikan perkembangan yang rata-rata dilihat sebagai per selisihan, turut tidak terkecuali daripada sindiran pedasnya.

"Bukan nak bertelingkah, tapi saya tak setuju dengan beberapa perkara yang dibuat dan nak tahu ke-

“Bukan nak bertelingkah, tapi saya tak setuju dengan beberapa perkara yang dibuat dan nak tahu kenapa”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

na,” katanya kepada pemberita selepas berucap pada Pameran Islam Antarabangsa 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau kecewa kerana tidak memperoleh jawapan kepada persoalan yang dikemukakan, sebaliknya diminta diam sedangkan ada pihak tertentu mendakwanya membelanjakan duit kerajaan secara berlebihan untuk beberapa projek mega.

Bagaimanapun, beliau mengakui dakwaan itu bukan dibuat oleh Abdullah, sebaliknya oleh orang lain.

"PM tidak pernah mengatakannya, (malah) PM tidak pernah berkata apa-apa. Tetapi ada orang yang kata

LIHAT MUKA 2

Dr Mahathir terus tagih pelbagai jawapan

BA-10/6/2006

DARI MUKA 1

projek mega tidak dapat dilaksanakan sebab duit sudah habis sedangkan saya tahu (kerajaan) duit banyak, malah lebih banyak daripada masa saya dulu," katanya.

Katanya, penjelasan kepada beberapa persoalan yang dibangkitkannya penting kerana ia membabitkan keputusan yang dibuat kepemimpinan baru negara berkaitan pelbagai projek yang dimulakan ketika beliau menerajui kerajaan.

Rabu lalu, Dr Mahathir melemparkan kritikan paling keras terhadap pentadbiran Abdullah termasuk menuduh penggantinya itu menikam beliau dari belakang.

Beliau yang sebelum ini memper-tikaikan beberapa keputusan kerajaan termasuk pembatalan projek jambatan menggantikan Tambak Johor, tanpa berselindung menyuarakan kekecewaannya terhadap pentadbiran Abdullah.

Bagaimanapun, Abdullah dalam reaksinya kelmarin berkata, kenyataan Dr Mahathir itu tidak menjejaskan tumpuannya melaksanakan agenda membangunkan negara, malah enggan memanjangkan isu itu kerana menyifatkan bekas Perdana

Menteri berhak bersuara mengikut amalan demokrasi.

Menegaskan semula semalam bahawa beliau hanya meminta jawapan dan kritikan beliau terhadap Abdullah bukan bersifat peribadi, Dr Mahathir berkata, penjelasan itu tidak semestinya daripada Perdana Menteri kerana beliau sendiri sudah bertemu Abdullah di Jepun baru-baru ini, tanpa memperoleh sebarang jawapan.

"Macam sindiran kononnya projek mega habiskan duit kerajaan... saya berasa kecil hatilah sikit sebab keputusan dibuat bersama (jemaah Menteri).

"Bayangkan, dua hari sebelum itu, (kerajaan) kata akan bina jambatan tapi dua hari selepas itu pula, apabila Perdana Menteri kata tak akan bina jambatan, semua menteri setuju. Jadi kita berasa susah hati sikit.

"Sehingga tunduk kepada Singapura... malulah saya. Apa yang kita takut sangat pada (bekas Perdana Menteri Singapura) Goh Chok Tong... dia bukan boleh makan kita," katanya mengulangi pendiriannya bahawa kerajaan tidak sepatutnya membatalkan projek pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

Dr Mahathir berkata, beliau gem-

biria Perdana Menteri memberi hak untuknya bercakap dan menegaskan beliau akan menuntut haknya itu dan akan terus bersuara selagi gagal mendapatkan jawapan berhubung isu yang diketengahkan.

"Saya tiada masalah dengan kerajaan. Saya ada masalah dengan 'benda' (beberapa isu tertentu) ni saja... takkan tak boleh tanya kenapa. Apa nak malunya, kita cakaplah kerana ini hal politik, semua orang nak tahu.

"Apa sebab jambatan itu tidak boleh dibuat sedangkan kita sudah mula kerja dan pihak Singapura tak bantah apa pun. Ia mula pada masa saya lagi," katanya yang turut meminta penjelasan mengapa syarikat MV Agusta dijual pada harga satu euro.

Dr Mahathir juga meminta penjelasan mengapa Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff meletak jawatannya dan mendakwa beliau melakukan tugasnya dengan baik sebagai Ketua Eksekutif Proton.

"Saya hanya minat untuk dapatkan jawapan dan ia tak perlulah daripada Abdullah," katanya yang mendakwa sudah pernah menulis kepada pihak berkenaan untuk penjelasan tetapi tidak mendapat jawapan.

Dr Mahathir berkata, beliau sedia menjadi mangsa kecaman pelbagai

pihak kerana mengkritik Perdana Menteri sekarang, asalkan persoalan yang bermain di fikirannya serta apa yang pernah ditimbulkan pelbagai pihak kepadanya, terjawab.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, sehingga kini, di sebalik bertindak menjelaskan subjek yang ditimbulkan, pelbagai pihak lebih gemar menumpukan kepada kenyataan yang dibuatnya.

"Mungkin mereka tiada jawapan. Tapi mereka kata Dr Mahathir tak boleh cakap macam itu, dia tidak berhak, dia bekas Perdana Menteri, pergi tidur la... termasuk menteri Kabinet yang sebelum ini dalam barisan Kabinet saya dulu.

"Setiap keputusan dibuat secara kolektif dan keputusan yang dibuat dulu, tetapi bila dapat pemimpin baru yang tidak setuju dengannya, mereka juga tak bersetuju. Menteri Kabinet masa saya dulu semuanya sudah terbalik sekarang.

"Saya dapati dalam negara ini sekarang, semua orang tutup mulut. Jika mereka tutup mulut, ia okey. Jadi saya buka mulut dan jadi mangsa tapi okey sebab saya tidur nyenyak," katanya.

Mengenai kenyataan Tengku Razaleigh menganggap tindakan Dr Ma-

hathir mengkritik Abdullah akan menyebabkan perpecahan dalam parti, beliau berkata, bekas Menteri Kewangan itu sekadar mengingatkan beliau mengenai kesalahan yang pernah dilakukannya ketika menubuhkan Semangat 46 dan menyebabkan Umno berpecah.

Malah, Dr Mahathir juga menempelak Musa yang berpandangan bahawa beliau (Dr Mahathir) tidak mengikut tradisi Umno dengan membuat teguran terbuka sedangkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu sendiri sebelumnya melakukan yang sama.

Bekas Perdana Menteri itu turut menuduh Timbalan Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Datuk Kalimullah Hassan, mempunyai pengaruh agar akhbar tidak menulis mengenai beliau.

"Tak perlulah tulis semua ini. Anda tak boleh tulis kerana Kalimullah akan buat panggilan telefon. Semalam Kalimullah membuat panggilan berkenaan, dia menghubungi *The Star*," katanya.

Ketua Pengarang Kumpulan The Star, Datuk Wong Sulong, bagaimanapun menafikan dengan keras pernah menerima sebarang nasihat atau arahan daripada Kalimullah.